

# 'Usah terpengaruh tindakan provokasi'

Oleh Zulkofli Jamaludin

**BH** - 8 NOV 2000

**Pemimpin BN menyifatkan parti pembangkang, khususnya Pas dan Keadilan sengaja mengadakan perhimpunan serta ceramah tanpa permit supaya pasukan keselamatan bertindak dan kemudian menuduh tindakan tegas itu sebagai zalim**

KUALA LUMPUR, Selasa - Pemimpin Barisan Nasional (BN) hari ini mengingatkan rakyat supaya berhati-hati dan tidak terpengaruh tindakan provokasi pembangkang yang sengaja mencabul undang-undang.

Mereka menyifatkan parti pembangkang, khususnya Pas dan Keadilan sengaja mengadakan perhimpunan serta ceramah tanpa permit supaya pasukan keselamatan mengambil tindakan undang-undang.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata pembangkang akan menuduh kerajaan bertindak zalim apabila pasukan keselamatan mengambil tindakan tegas untuk menyuraikan perhimpunan haram itu.

"Bagaimanapun, perhimpunan haram itu jika dibiarkan boleh menimbulkan huru-hara kerana pemimpin pembangkang yang mengetahui prinsip undang-undang turut serta," katanya ketika mengulas parti pembangkang di Jalan Kebun, Shah Alam, Ahad lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam berkata, ada aliran di kalangan parti

pembangkang sengaja mencabul undang-undang dengan tujuan mendesak kerajaan mengambil tindakan terhadap mereka.

Beliau dilaporkan berkata, apabila tindakan diambil golongan terbabit akan memberitahu rakan mereka di luar negara, yang seterusnya akan mengecam Kerajaan Malaysia, konon tiada kebebasan di negara ini.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, pembangkang juga akan memutarbelitkan setiap tindakan pasukan keselamatan dan menuduh kerajaan zalim kerana tidak memberi permit untuk mengadakan perhimpunan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung, pula berkata tindakan penyokong pembangkang yang enggan mematuhi arahan polis supaya bersurai jelas menunjukkan

mereka mencabar kewibawaan dan kesabaran pasukan keselamatan.

Sehubungan itu, katanya, polis akan mengambil tindakan tegas terhadap pemimpin dan penyokong parti pembangkang jika didapati terbabit dalam perhimpunan haram berkenaan.

"Polis tidak mengeluarkan permit selepas menimbang pelbagai faktor, termasuk aspek keselamatan selepas menerima permohonan.

"Jumlah yang akan hadir terlalu ramai dan pasukan keselamatan tidak boleh menjamin keselamatan bukan saja di tempat perhimpunan tetapi kawasan sekitarnya," katanya.

Ditanya mengapa permit persembahan artis yang membatikan penonton ramai dibenarkan, Chor berkata, perhimpunan parti berbeza dengan per-

sembahan muzik kerana mereka yang hadir pada ceramah pembangkang sentiasa dibakar semangat dan boleh bertindak ganas.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Shafie Apdal, pula berkata, kerajaan perlu mengambil tindakan tegas bagi mengelak perhimpunan tanpa permit yang dianjurkan pembangkang berulang.

Beliau berkata, tindakan pemimpin pembangkang hadir pada perhimpunan haram itu jelas membuktikan mereka cuba mencabar kewibawaan polis kerana perhimpunan berkenaan perlu dibatalkan.

"Kita bimbang jika perhimpunan seperti itu tidak dibendung segera boleh menyebabkan huru-hara dan perpaduan kaum yang dinikmati selama ini hilang," katanya.

Naib Presiden MIC, Datuk S Veerasingam, berkata tindakan pembangkang bukan saja menyusahkan orang ramai malah mengganggu kelancaran lalu lintas di Lebuhraya Kesas.

Beliau berkata, beberapa jalan utama di Shah Alam mengalami kesesakan teruk kelmarin, berikutan pembangkang mengadakan perhimpunan haram dan tidak mengendahkan arahan polis.